

33 wakili S'pura di pertandingan silat

PENCAK SILAT

12 NOV 1984

SERAMAI 33 orang pesilat dan pegawai silat, akan mewakili Singapura dalam *Pesta Silat Asean dan Pertandingan Silat Antarabangsa* yang akan berlangsung di Stadium Negara, Kuala Lumpur, dari 26 hingga 29 November.

Mereka yang terpilih akan mengambil bahagian dalam dua kategori iaitu silat sebagai kesenian dan silat sebagai olahraga. Demikian menurut setiausaha Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Encik Johari Uriff.

Beliau menambah bahawa mereka dipilih oleh sebuah jawatankuasa khas.

Sebanyak enam regu dari beberapa kumpulan perguruan, telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam silat sebagai kesenian.

Latihan

Ini terdiri dari Perguruan Gastapis Panca Sakti, Perguruan Silat Setia Bakti, Perguruan Silat Seni Gayung Perwanit (ketiga-tiga perguruan ini adalah dari regu pendekar) dan Perguruan Silat Al-Hak serta Perguruan Seni Silat Pencak Sunda.

Dua buah regu pendekar muda dari Perguruan Al-Hak dan Perguruan Gastapis Panca Sakti akan turut mengambil bahagian dalam bahagian kesenian.

oleh ZAWIYAH SALLEH

Di samping itu Persisi juga akan membawa bersama seorang peserta perempuan kanak-kanak — Alya Osman — dari Perguruan Al-Hak. Dia telah dipilih menjadi juara bahagian solo kanak-kanak dalam Pesta Silat Singapura 1984 yang baru lalu.

Encik Johari menyatakan bahawa satu persetujuan telah dicapai bahawa peserta bahagian silat olahraga yang mewakili Singapura dalam pertandingan antarabangsa merupakan pemegang juara dalam beberapa kelas silat 1982.

Bagi kelas A pesilat M. Annuar, Aziz dari Al-Hak, kelas B pesilat Suleman Wakijo dari Seni Gayung Perwanit, kelas C pula pesilat Khalid Nordin dari Silat Cekak, kelas D pesilat Shokoy Ahmad dari Al-Hak, kelas E pesilat Azrin A. Rahim juga dari Al-Hak.

Kelas F akan diwakili oleh pesilat Rahim Sinwan dari Si-Pitong, Kelas G pesilat Iskandar Muda bin Raif dari Gastapis Panca Sakti, kelas H pesilat Zainal Jamhari dari Seni Gayung Perwanit dan kelas I pesilat A. Hamid Hassan dari Perguruan Setia Bakti.

Beliau menyatakan bahawa kumpulan-kumpulan perguruan dan pesilat-pesilat yang telah dipilih mewakili Singapura

haruslah menjalani latihan yang secukupnya, supaya mereka mempunyai fizikal yang sihat dan baik.

Jika terdapat pesilat yang kurang cekap, maka Jawatankuasa Pemilihan berhak menggugurkannya. Begitu juga mereka yang mewakili bahagian kesenian.

Bukukan

Encik Johari menambah bahawa para pesilat haruslah memberi perhatian terhadap:

- Latihan yang cukup
- Pakaian yang cantik dan menarik dan
- Disiplin yang baik.

Pesta dan pertandingan yang dianjurkan oleh Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) juga akan menganjurkan kongres atau sidang umum.

Sidang umum itu akan memilih anggota-anggota Jawatankuasa Persekutuan Silat Antarabangsa yang urusetianya selama ini terletak di Jakarta.

Kemungkinan, ujarnya, tempat urusetia itu akan beralih ke Malaysia atau Singapura. Bagaimanapun, ia akan diputuskan dalam kongres itu kelak.

Di samping itu ia juga akan membincangkan soal penyusunan serta kegiatan-kegiatan yang akan diadakan termasuk satu usaha membukukan silat yang semacam en-

saiklopedia yang diusahakan oleh Indonesia.

Encik Johari akan memimpin rombongan Singapura dan duduk dalam sidang umum itu. Lain-lain pegawai ialah Encik Arif Haji Zahari (pengurus pasukan), Encik Mohd Seain Madsom (bendahari), Haji Ismaon Haji Ali (pegawai perhubungan dan kebajikan merangkap perubatan).

Encik Abdul Shukor Rais (jurulatih dan wasit-juri), Encik Ali Mohamed (penolong jurulatih), Encik Yahya Haji Bujang (wasit-juri peringkat antarabangsa).

Lain-lain pegawai terdiri daripada Cik Rosnani Keenan, Encik S. Suprayitno, Encik A. Rahim Ahmad dan Encik Suhaimi Haji Yurit



ADIK ALYA OSMAN
...turut menyertai rombongan Singapura